



MENTERI KEWANGAN MALAYSIA

PRAKATA

Saya kemukakan di Dewan yang mulia ini buku Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2022 yang mengandungi Anggaran Perbelanjaan Mengurus dan Pembangunan untuk kementerian dan jabatan membiayai belanja operasi serta melaksanakan pelbagai program, aktiviti dan projek pembangunan pada tahun 2022. Anggaran perbelanjaan ini diselaraskan dengan keutamaan agenda yang terkandung dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) dan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB 2030).

Sejak ancaman pandemik COVID-19, rakyat Malaysia telah mengharungi cabaran keselamatan jiwa dan kelangsungan ekonomi. Kerajaan pula terpaksa membuat pelbagai keputusan sukar untuk mengimbangi kepentingan kesihatan dan membela nasib rakyat yang memerlukan langkah belanjawan yang komprehensif dan inklusif. Walaupun dalam kesempitan ruang fiskal, lapan pakej rangsangan ekonomi serta bantuan rakyat telah dilaksanakan di samping Belanjawan 2021 dalam meneruskan usaha memerangi COVID-19. Ini termasuklah langkah memperkasa kesihatan awam, membantu rakyat yang terjejas, menyokong kelangsungan perniagaan serta memastikan ketahanan ekonomi. Pencapaian pesat kadar vaksinasi negara melalui Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) dengan penglibatan masyarakat yang menggalakkan dijangka akan membolehkan pembukaan semula ekonomi secara menyeluruh sebelum hujung tahun 2021 selaras dengan matlamat Pelan Pemulihan Negara (PPN). Kesemua inisiatif ini akan menyediakan landasan yang kukuh untuk pemulihan negara pada tahun 2022.

Selaras dengan prinsip inklusif dalam konsep Keluarga Malaysia, Bajet 2022 telah dirancang berdasarkan tiga matlamat utama, iaitu melindungi dan memulih kehidupan serta mata pencarian rakyat, membina semula daya ketahanan negara dan memangkin pembaharuan untuk mencapai matlamat RMKe-12 dan WKB 2030. Bajet 2022 juga akan diselaraskan sepenuhnya kepada Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs) bagi menentukan jurang pembiayaan dikenalpasti dan ditangani.

Langkah memperkenalkan Kenyataan Pra-Bajet serta Kertas Konsultasi Awam menampakkan hasil positif apabila pelbagai pihak berkepentingan telah menyumbang maklumbalas bernas ke arah merangka sebuah bajet yang memenuhi keperluan rakyat serta selaras dengan dasar Kerajaan. Ianya juga bertepatan dengan amalan terbaik di peringkat antarabangsa dan meningkat ketelusan proses penyediaan bajet tahunan.

Sehubungan itu, saya yakin maklumat yang terkandung dalam buku ini dapat dimanfaatkan sebagai rujukan serta memberi halatuju yang jelas mengenai setiap program, aktiviti dan projek yang dilaksanakan oleh setiap Kementerian dan Jabatan di bawah Perbelanjaan Mengurus dan Pembangunan tahun 2022.

YB SENATOR TENGKU DATO' SRI ZAFRUL BIN TENGKU ABDUL AZIZ

29 Oktober 2021